

## MINDEF teliti laporan PAC, ambil kira semua syor teruskan projek LCS

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - Ogos 4, 2022 @ 4:19pm  
mohd\_iskandar@bh.com.my



PAC dalam laporannya memaklumkan kajian daya maju (due diligence) yang dilakukan kerajaan terhadap syarikat BNS untuk pembinaan lima kapal LCS TLDM gagal mengesan masalah kewangan syarikat berkenaan.

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan semua pemegang taruh akan meneliti laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) secara terperinci dan mengambil kira syor yang dikemukakan dalam meneruskan projek Littoral Combatant Ship (LCS) selepas ini.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata beliau mengambil maklum laporan itu dan memberi kerjasama penuh, telus ketika menghadiri prosiding serta proses siasatan yang dilakukan PAC.

"Seperti dimaklumkan pada April lalu, Kabinet juga sudah bersetuju dengan Pelan Pemulihan Projek LCS yang membenarkan tempoh mobilisasi dilaksanakan selama enam bulan bagi membolehkan rundingan dibuat dengan pihak OEM dan vendor seterusnya memuktamadkan perancangan ke hadapan perolehan LCS seperti yang dimahukan serta diperlukan oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

"Kerajaan juga sudah menubuhkan Jawatankuasa Tadbir Urus Khas dipengerusikan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan (MOF) serta Ketua Setiausaha MINDEF.

"Jawatankuasa ini ditugaskan memantau secara dekat terutama proses mobilisasi dalam tempoh enam bulan ini dan melaporkan perkembangannya kepada Kabinet," katanya dalam kenyataan hari ini.

Sebelum ini, PAC dalam laporannya berhubung projek itu memaklumkan kajian daya maju (due diligence) yang dilakukan kerajaan terhadap syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNS) untuk pembinaan lima kapal LCS TLDM gagal mengesan masalah kewangan syarikat berkenaan.

Ia dibuktikan apabila kerajaan terpaksa membuat pembayaran pendahuluan sehingga RM1.36 bilion kepada BNS, bertentangan dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 yang berkuat kuasa ketika itu.

Berhubung kelemahan dan penyelewengan, Hishammuddin berkata, beliau konsisten menegaskan sesiapa yang bersalah tetap bersalah.

"Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih berjalan dan ini bermakna pihak yang terbabit salah laku dalam projek sebelum ini tidak akan terlepas begitu saja.

"PAC sendiri mengesyorkan SPRM mempercepatkan siasatan dan menyegerakan pendakwaan. Siapa juga yang bersalah pasti akan dihadapkan ke muka pengadilan," katanya.

Justeru, beliau berkata, perkara paling penting sekarang ialah untuk memastikan projek LCS dapat diteruskan dengan lancar.

"LCS adalah aset yang amat diperlukan demi keselamatan perairan negara, sejajar dengan Program Transformasi Armada '15 to 5' dan demi kepentingan TLDM," katanya.